

16/03/2003

Dr Mahathir lawat Brazil tingkat hubungan dua hala

Mustapa Omar

BRASILIA (Brazil): Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, dijangka tiba di sini petang ini bagi lawatan rasmi tiga hari dan Sao Paulo dalam usaha meningkatkan lagi hubungan dua hala antara kedua-dua negara.

Lawatan Dr Mahathir kali ini, yang kedua selepas kunjungan pertama pada 1991 adalah atas jemputan Presiden Luiz Inacio Lula da Silva, yang baru dipilih memegang jawatan itu selepas memenangi pilihan raya pada Oktober tahun lalu.

Perdana Menteri dan isteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali sedang bercuti di Manaus, pusat percutian hutan tropika di Amazon yang terkenal dengan pertemuan dua sungai iaitu Rio Negro dan Rio Solimoes yang mewujudkan Sungai Amazon.

Esok, Dr Mahathir akan menghadiri majlis sambutan rasmi di Pejabat Presiden di Palacio do Planalto, sebelum mengadakan pertemuan tertutup dengan Presiden Lula, diikuti mesyuarat delegasi.

Turut sama dalam delegasi Malaysia ialah Timbalan Menteri Luar, Datuk Dr Leo Micheal Toyad; Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Luar, Datuk Abd Aziz Mohammed dan Duta Malaysia ke Brazil, Tai Kat Meng.

Pada Selasa, Dr Mahathir dan rombongan akan melawat syarikat pengeluar pesawat, Embraer dan sebuah syarikat yang terbabit membekalkan senjata dan peralatan ketenteraan, Avibras Aeroespacial, kedua-dua di San Jose, dekat Sao Paulo.

Embraer yang ditubuhkan pada 1969 adalah di antara empat syarikat pengeluar pesawat terbesar dunia yang mempunyai pengalaman lebih 30 tahun dalam mereka bentuk, mengeluarkan dan menjual pesawat untuk tujuan komersial dan pertahanan.

Syarikat itu yang sebelum ini memperoleh tender membekalkan 150 jet kepada GE Capital Aviation Services bernilai RM136.8 bilion, dijangka menandatangani perjanjian menjual enam jet eksekutif kepada Kerajaan India bernilai RM494 juta, tidak lama lagi.

Avibras pula sudah membekalkan 18 pelancar ASTROSS II atau Artillery Saturation Rocket System kepada Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dengan kos RM791 juta. Pelancar roket berkenaan diterima ATM bulan lalu.

ASTROSS II adalah sistem roket lancaran berganda (MLRS), yang sebelum ini pernah digunakan oleh tentera Amerika Syarikat dalam Operasi Desert Storm ketika Perang Teluk pada 1991.

Akhir minggu lalu, ATM mengadakan demonstrasi melancarkan 48 roket berkenaan jenis SS-60 dan SS-80, masing-masing terhadap sasaran laut yang terletak sejauh 60 kilometer (km) dan 89 km dari tapak pelancaran di Tanjung Hantu, Lumut, Perak.

Sementara itu, Dr Leo pada pertemuan dengan wartawan Malaysia di sini semalam berkata, antara perkara yang akan dibincangkan pada pertemuan kedua-dua pemimpin berkenaan termasuk membabitkan isu serantau dan kerjasama dua hala.

Katanya, Dr Mahathir dan Presiden Lula juga dijangka menyentuh mengenai kerjasama kedua-dua negara di forum antarabangsa seperti Kumpulan 15 dan Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO).

Perkara lain yang turut dibincangkan ialah keadaan di Iraq dan Palestin, isu globalisasi, pengalaman Malaysia dalam pembangunan ekonomi serta cara negara menangani krisis kewangan, katanya.

Mengenai perdagangan, Dr Leo berkata Malaysia adalah rakan dagang

terbesar Brazil di Asean, manakala Brazil pula adalah rakan dagang kedua terbesar bagi Malaysia di kalangan negara Amerika Latin selepas Mexico.

Katanya, jumlah eksport Malaysia ke Brazil tahun lalu RM1.36 bilion, termasuk komponen elektrik dan elektronik, getah asli serta minyak sawit, manakala import pula yang meliputi besi, gula tebu, kacang soya dan peralatan ketenteraan yang bernilai RM1.07 bilion.

Beliau berkata, pada masa ini ada tiga syarikat Malaysia melabur di Brazil iaitu Supermaxx Importadora S/A, syarikat yang terbabit dalam pengeluaran barangan berasaskan getah dengan pelaburan lebih RM7.6 juta; Abric S/A (RM13.95 juta) dan Amaplac S/A Ind. De Madeiras.

Malaysia setakat ini menandatangani beberapa perjanjian dengan Brazil termasuk kerjasama penyelidikan pertanian, sains dan teknologi serta perkhidmatan udara.